

Model Pembangunan Identiti Guru Sekolah Seni Malaysia: Satu Pendekatan Pengajaran Seni Teater dalam Pendidikan di Malaysia

Malaysian Arts School Teacher Identity Development Model: An Approach to Teaching of Theater Arts in Education in Malaysia

Mohd Azly Zakaria,¹ Muhammad Faisal Ahmad² & Mohd Kipli Abdul Rahman³

^{1,2,3} Jabatan Seni Persembahan, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
Tanjong Malim, Perak, MALAYSIA
Email: mohdazly.fmsp@gmail.com

Published: 14 September 2022

To cite this article (APA): Zakaria, M. A., Ahmad, M. F., & Abdul Rahman, M. K. (2022). Model Pembangunan Identiti Guru Sekolah Seni Malaysia: Satu Pendekatan Pengajaran Seni Teater dalam Pendidikan di Malaysia: Malaysian Arts School Teacher Identity Development Model: An Approach to Teaching of Theater Arts in Education in Malaysia. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 14(2), 25–37. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol14.sp.3.2022>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol14.sp.3.2022>

Abstrak

Penulisan sains sosial ini dijalankan bertujuan untuk meneroka pengetahuan, kemahiran dan amalan lakonan kejurulatihan utama dalam pendidikan khususnya guru sebagai jurulatih di Sekolah Seni Malaysia (SSeM). Oleh itu, dengan menyelidik kefahaman Pengetahuan Pedagogikal Isi Kandungan (PPIK) oleh Shulman (1986) melalui Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM), Sekolah Seni Malaysia (SSeM) 2017 dalam pelaksanaan pengajaran Seni Teater. Selain itu, objektif kajian mengenal pasti pengetahuan dan meneroka kemahiran dan amalan jurulatih terhadap penggunaan teknik seni lakon secara mendalam melalui tokoh Seni Teater dari Stanilavki (1946). Bagi mewujudkan konteks pembangunan identiti guru, sebuah pendekatan pengajaran jurulatih dirancang selari dengan model yang diadaptasi dari teknik lakonan oleh tokoh Seni Teater yang berpengaruh. Model ini, iaitu *BEING* (Percaya (*Believe*), Pengkspérimentasi (*Experiment*), Penciptaan (*Invent*), Pemetaan (*Navigate*), Penjanaan (*Generate*)) oleh Özmen (2011). Latar belakang kajian berlandaskan pengetahuan dan kefahaman jurulatih tentang KSSM masih tidak menepati isi pelajaran kurikulum kerana jurulatih tersebut bukan pengkhususan bidang Seni Teater. Perancangan, penyediaan rancangan pengajaran dan pelaksanaan aktiviti pengajaran kurang tertumpu kepada pedagogi dan amalan aktiviti pengajaran merujuk standard atau hasil kandungan. Reka bentuk kajian ini adalah kajian kualitatif bersifat penerokaan dan strategi kajian kes. Persampelan seramai lima orang jurulatih SSeM dipilih sebagai peserta kajian yang bukan berlatar belakang pengkhususan dan kelayakan ikhtisas pengajian seni persembahan khusus teater serta pengetahuan asas dan kemahiran sedia ada hanya melalui pengalaman semata. Pengumpulan data dilakukan melalui protokol temu bual, protokol pemerhatian dan analisis kandungan dokumen KSSM SSeM Seni Teater. Kepentingan kajian ini juga mencadangkan konsep pembangunan identiti profesional guru dalam kefahaman transformasi dalam pengajaran dan merangka model panduan serta rujukan program teater dan drama dalam bidang tugas profesional pendidikan Malaysia di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Kata Kunci: Kejurulatihan Utama dalam Pendidikan, Seni Teater, Seni Lakon, Pendidikan, Sekolah Seni Malaysia

Abstract

The writing of this social science was conducted to explore the knowledge, skills and practices of acting method as coaching programs in education, especially teacher as coach at Malaysian Arts School (SSeM). This is conducted through researching the understanding of Pedagogical Content Knowledge (PCK) by Shulman (1986) with the Secondary School Standard Curriculum (KSSM), Malaysian Arts School (SSeM) 2017 in the

implementation of Theater Arts teaching. In addition, the objectives of this study is to identify the knowledge and explore skills and practices of coaches on the use of acting techniques in depth through the figure of Theater Arts from Stanilavky (1946). To create a context for teacher identity development, a coaching approach is designed in parallel with a model based on influential acting method in Theater Arts. This model, namely BEING (Believe, Experiment, Invent, Navigate, Generate) by Özmen (2011). The background of the study based on the knowledge and understanding of the coaches about KSSM still does not achieve the content of the curriculum because the coaches are not specializing in the field. Planning, preparation of lesson plans and implementation of teaching activities are less focused on the pedagogy and practice of teaching activities referring to standards or content outcomes. The design of this study is qualitative based on exploration and a case study strategy. A sample of five coaches were selected as participants who did not have any background in specialization and professional qualifications in theater-specific performing arts studies as well as basic knowledge and existing skills only through experience itself. Data collection was done through interview, observation and content analysis of KSSM SSeM Seni Teater document. The important of this study also proposes the concept of professional identity development of teachers in understanding transformation in the teaching and preparation of guidelines and references for theater and drama programs in the field of Malaysia education professionals of the Ministry of Education Malaysia (MOE).

Keywords: *Coaching in Education, Theater Arts, Acting Method, Education, Malaysian Arts School*

Pengenalan

Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan (PPIK), menurut Solis (2009) bukanlah sesuatu yang baru, sementara Shing et al. (2015), menyatakan bahawa pengetahuan pedagogi adalah jenis pengetahuan yang unik untuk seorang guru berdasarkan cara guru mengaitkan pedagogi dengan kandungan disiplin ilmu atau perkara yang hendak diajar. Zamri dan Magdelina (2012) yang dipetik melalui Zaidah (2005) menganggap epistemologi PPIK merupakan guru yang berpengetahuan tentang isi kandungan mata pelajaran dan menterjemahkan pengetahuan tersebut ke dalam aktiviti yang dilakukan di dalam bilik darjah, konsep dan pengajaran topik tertentu dalam sesuatu mata pelajaran. Geddis (1993) menggambarkan PPIK sebagai satu set atribut yang membantu seseorang memindahkan pengetahuan kandungan kepada orang lain (Kenneth, Michael & Jinseup, 2009).

Memetik pandangan guru yang terlibat dalam kajian Zamri dan Magdeline (2012), seorang guru mesti menguasai isi pelajaran yang akan diajar. Menurut mereka, pengetahuan dan kefahaman murid akan dijadikan panduan untuk guru menentukan pedagogi yang sesuai digunakan dalam penyampaian isi pengajaran. Pengetahuan pedagogi mengenai tajuk pelajaran berbeza antara satu sama lain. Berdasarkan Shulman (1986), PPIK adalah teras pengetahuan guru yang paling penting. Keberkesanan pengajaran dikaitkan dengan pengetahuan pedagogi isi kandungan terhadap sesuatu mata pelajaran untuk membolehkan guru mengajar topik tertentu yang mendorong pemahaman konsep di kalangan pelajar (Shulman, 1987).

Epistemologi dalam teori pengetahuan dan kemahiran pedagogi yang baik dalam mendalami isi pelajaran perlu ditransformasikan ke dalam pengajaran (Sebastian, 2020). Menurut Baharuddin et. al. (2018) pengetahuan baru yang dibentuk dalam pengajaran dapat membantu guru dalam melaksanakan sebuah pengajaran yang berkesan dan pengetahuan konstruktif baru tersebut dapat diaplikasikan dalam pengajaran. Pengetahuan dan kemahiran asas guru dalam pengajaran penting untuk mencapai apa-apa yang dikehendaki dalam kurikulum yang telah dirancang melalui isi pelajaran dan hasil pembelajaran (Elizabeth & Plessis, 2019). Nasser (2018) mengatakan bahawa proses pembelajaran merupakan sesuatu yang menyeronokkan sekiranya kurikulum yang digubal dan guru yang melaksanakan aktiviti yang selari dengan kehendak dan minat murid.

Kajian ini akan mengenal pasti dan meneroka teori PPIK jurulatih dalam bidang penghayatan terhadap mata pelajaran Seni Teater di Sekolah Seni Malaysia (SSeM). Seni Teater adalah mata pelajaran semakan baharu kurikulum bermula 2017 yang mesti diikuti oleh murid di SSeM. Mata pelajaran ini bertujuan membentuk bakat seni generasi dan pewaris budaya bangsa Malaysia. Dalam konteks mata pelajaran Seni Teater, selain guru atau dikenali sebagai jurulatih perlu berpengetahuan

dalam aspek praktikal dan teori, mereka juga perlu mempunyai kemahiran dalam menyampaikan isi mata pelajaran ini. Ini kerana pembinaan kurikulum Seni Teater bersifat holistik dengan harapan menjadi pusat kecemerlangan pendidikan kesenian dan kebudayaan bagi melahirkan insan budayawan bertaraf dunia sejajar dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2002).

Unsur Seni Teater dikaji dan dicipta sebagai pendekatan dalam pembangunan kemahiran jasmani, emosi, rohani dan intelek yang bermatlamatkan kecemerlangan pendidikan bagi profesion perguruan yang masih belum meluas di negara ini terutama di dalam dunia pendidikan kini apabila wujudnya teater dan drama dalam pendidikan (Ismahisham, 2011). Pengintegrasian tugas dalam persiapan jurulatih SSeM ke dalam transformasi pengajaran guru Seni Teater selari dengan pembangunan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) semakan baharu (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2017). Mata pelajaran Seni Teater ini dapat membentuk pengetahuan, kemahiran pedagogi dan pembangunan identiti guru sebagai pelakon dalam pengajaran dan kesedaran kepentingan aspek persembahan dalam hubungan dua hala dengan teknik-teknik yang sesuai dan dapat memberi kesan dalam proses pengajaran.

Pembentukan karakter secara lisan dan bukan lisan merupakan medium komunikasi yang mempengaruhi aspek pengajaran guru dalam bilik darjah. Persediaan sebelum, semasa dan selepas pengajaran di dalam bilik darjah diselarikan dengan pelakon di sebuah pentas pertunjukan atau seni persembahan (Nazri, 2008). Sebilangan sarjana telah banyak melakukan kajian penyelidikan yang lebih spesifik teknik seni lakon dalam pengajaran (Faisal, 2012; Fadhilah, 2014; Azly, 2016). Para sarjana menyokong dengan idea bahawa menganggap pengajaran guru dalam bilik darjah sebagai pelakon dalam melakukan persembahan di atas pentas mempunyai kesan yang berpengaruh terhadap amalan dan pelaksanaan dalam dunia pendidikan guru (Faisal, 2012).

Seni lakon memerlukan pergerakan dan berkait rapat dengan kehalusan, keindahan atau estetika yang merangkumi aspek-aspek emosi, intelek, jasmani dan rohani individu dan mempengaruhi dan peniruan dalam kehidupan masyarakat (Rahmah, 1987). Elemen lakonan dalam pembelajaran dapat melahirkan insan baik dan berkembang secara harmoni serta seimbang dari segi intelek, rohani, jasmani dan emosi bagi mencapai hasrat pencapaian akademik murid yang cemerlang (Yusof, 2004). Dengan demikian, wujudnya seni dalam pendidikan yang juga merupakan bidang yang menumpukan kepada seni visual, seni berbahasa, seni sastera, seni muzik dan seni gerak serta diaplikasikan di dalam pengajaran guru secara formal atau tidak formal (Shamsudin, 2004).

Teori pengetahuan pedagogi isi kandungan dalam pelaksanaan pengajaran Seni Teater adalah pendekatan dalam pembangunan identiti seorang guru yang ditakrifkan sebagai kebolehan dan kesedaran dalam menyampaikan sebuah pengajaran secara komunikasi lisan serta bukan lisan bagi membentuk komunikasi berkesan (Vandivere, 2008). Selari dengan pendekatan pengajaran berlandaskan disiplin seni lakon dapat membina jati diri guru yang kuat dan pembentukan identiti (Hart, 2007), selain membentuk semangat guru yang lebih tinggi dalam mengajar mata pelajaran yang memerlukan kepakaran dalam sebuah pengajaran terhadap isi pelajaran kurikulum (Tauber & Mester, 2007), penggunaan ekspresi emosi, bahasa badan dan suara yang berkesan dalam pembentukan identiti guru dalam aspek improvisasi dan penciptaan watak dan perwatakan dalam sebuah pengajaran selari dengan unsur seni lakon dalam sebuah persembahan (Baughman, 1979; Dennis, 1995; Freidman, 1988; Nussbaum, 1988; Tauber & Mester, 2007; Timpson & Tobin, 1982), penerapan unsur teaterikal seperti *sense of humor* salah satu daripada kemahiran guru selari dengan seni persembahan di atas pentas dengan ruang bilik darjah (Baughman, 1979; Tauber & Mester, 2007), dalam melahirkan komunikasi berkesan, guru perlu mempersiapkan diri seperti seorang pelakon agar dapat menarik minat belajar murid dan merangsang murid berfikir serta guru merupakan salah satu daripada ejen dalam penentuan tahap pencapaian murid dan prestasi akademik (Griggs, 2001; Freidman, 1988; Javidi, Downs & Nussbaum, 1988). Atan Long (1978) membincangkan dalam menghasilkan sebuah pengajaran yang baik guru harus berupaya untuk merangsangkan pemikiran murid supaya menimbulkan minat mereka melibatkan diri di dalam proses pembelajaran. Pendekatan pengajaran guru pasti akan memberi kesan semasa proses pengajaran dan pembelajaran murid dalam mencorak pencapaian murid.

Model Pembangunan Identiti Guru adaptasi dari Model *BEING* dapat mengungkap dan menguraikan peranan guru sebagai jurulatih utama dalam pendidikan dan ini bukan sahaja merupakan tujuan mengembangkan pengetahuan sedia ada, malah kemahiran pedagogi guru serta amalan berkesan dalam pengajaran. Falsafah profesion perguruan secara radikal mengubah cara kita mendekati pendidikan guru dan dengan itu membentuk identiti profesional guru serta strategi yang digunakan boleh membantu murid mendapatkan pembelajaran yang bermakna (Kriek, 2016). Para sarjana yang menjalankan kajian mengenai identiti profesional, atau identiti guru, mendakwa bahawa guru perlu mengembangkan identiti bermula dengan latihan dalam perkhidmatan diteruskan dalam perkhidmatan supaya dapat menjalankan tugas mengajar dengan berkesan (Danielewicz, 2001; Hanning, 1984; Hart, 2007; Palmer, 2003; Rodgers & Scott, 2008; Özmen, 2011).

Pernyataan Masalah

Permasalahan wujud apabila sistem pendidikan di Malaysia melalui gelombang pertama sehingga ketiga Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) bermula 2013 meningkatkan kualiti profesion perguruan dan memberi tumpuan pada idea berkaitan peranan guru sebagai pemudah cara serta mentransformasi kebolehpayaan kapasiti penyampaian kementerian dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Pembangunan kurikulum ini kemudiannya ditambah baik dengan terlaksananya KSSM bermula tahun 2017 oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK). Teori pengetahuan pedagogi isi kandungan dengan mendalam dan merupakan salah satu objektif kajian tentang sifat pengetahuan secara kritis, berstruktur dan bersistematik mengenai proses bagaimana pengetahuan itu diperoleh manusia (Simon, 2013). Pada tahun 1986, Lee Shulman telah memperkenalkan suatu teori pengajaran berkesan yang dikenali sebagai *Pedagogical Content Knowledge (PCK)* atau Pengetahuan Pedagogikal Isi Kandungan (PPIK). Melalui teori tersebut Shulman (1986) telah menyatakan, untuk memberikan pengajaran yang berkesan, seorang guru perlu pakar tentang mata pelajaran dan isi kandungan yang diajar. Dengan kata lain, seorang guru perlu tahu tentang 'apa' yang hendak diajar dan 'bagaimana' untuk mengajar suatu perkara kepada murid. Oleh yang demikian, Shulman (1986) menegaskan guru perlu menguasai dua komponen utama pengetahuan iaitu pengetahuan isi kandungan dan pedagogi atau kemahiran suatu mata pelajaran.

Kini, permasalahan mata pelajaran Seni Teater merupakan mata pelajaran semakan baharu dalam sistem pendidikan di Malaysia (BPK, 2017). Guru yang mengajar mata pelajaran baharu mempunyai masalah dalam menguasai isi kandungan dan juga pendekatan pengajaran yang bersesuaian dengan mata pelajaran tersebut (Cathrine, 2019). Naseer (2018) menyatakan guru kurang mempunyai pengetahuan isi kandungan umum, pengetahuan pedagogi, kurikulum dan juga pengetahuan tentang murid. Menurut Chee et al. (2018) telah mengenal pasti beberapa masalah yang dihadapi oleh para guru, iaitu guru kekurangan pengetahuan dan teknik pedagogi dalam menyampaikan proses pengajaran dan pembelajaran. Sementara itu, kajian yang dijalankan oleh Azmi dan Nurzatulshima (2017) terhadap amalan pedagogi guru mendapati amalan pedagogi guru-guru terlatih yang terlibat masih bersifat konvensional, tidak pelbagai, kurang menggunakan pendekatan dan teknik serta berpusatkan guru. Selain itu, jurulatih-jurulatih SSeM yang mengajar mata pelajaran Seni Teater merupakan guru yang tidak mempunyai pengkhususan ikhtisas khusus untuk mengajar mata pelajaran tersebut tetapi dilantik atas pengalaman semata. Tambahan pula, guru bukan pengkhususan akademik atau ikhtisas mendedahkan guru-guru tersebut kurang memahami apakah keperluan setiap kurikulum mata pelajaran yang mereka ajar hingga menyebabkan pengajaran dan pembelajaran mereka tidak membantu murid untuk mencapai apa yang dikehendaki dalam kurikulum yang telah dirancang (Elizabeth & Plessis, 2019). Kajian mengenai pembangunan identiti guru dalam pengajaran kurikulum baharu masih lagi terhad. Oleh itu, kajian ini merupakan isu dan permasalahan yang perlu diberi perhatian oleh para penyelidik amnya guru secara khususnya jurulatih dalam pendidikan kesenian untuk berusaha meningkatkan kompetensi pengetahuan dan pedagogi masing-masing supaya tidak mempengaruhi pencapaian murid. Jurulatih-jurulatih perlu mempunyai kesedaran dan bersikap terbuka untuk memperbaiki diri sendiri terutama melibatkan pengetahuan khusus sesuatu mata pelajaran dalam kurikulum baharu dan juga kebolehan dalam menyampaikan pengetahuan khusus tersebut kepada murid.

Matlamat dan Persoalan Kajian


Matlamat di sebalik kajian penyelidikan ini adalah untuk meneroka dan memahami secara mendalam Model *BEING* (Özmen, 2011) sebagai kerangka konsep diadaptasi dari teknik lakonan tokoh Seni Teater Stanislavski (1946). Kajian ini bertujuan untuk menjawab soalan penyelidikan seperti berikut:

1. Apakah pengetahuan lakonan sedia ada yang dimiliki oleh guru sebagai pelakon?
2. Apakah kemahiran lakonan dalam pelaksanaan pengajaran yang dimiliki oleh guru Seni Teater selari dengan pendekatan Model *BEING*?
3. Bagaimana amalan lakonan melalui pendekatan Model *BEING* dalam membangunkan identiti guru Seni Teater dalam pelaksanaan pengajaran?

Kerangka Konsep

Kajian ini menggunakan kerangka konseptual kajian di bina berdasarkan *Model of Pedagogical Content Knowledge (PCK)* atau Model Pengetahuan Pedagogikal Isi Kandungan (PPIK) oleh Shulman (1986) diubah suai mengikut Standard Guru Malaysia (SGM) 2009 sebagai rujukan. Dalam konteks yang diamalkan oleh guru dalam bilik darjah diperoleh daripada temu bual dan pemerhatian pengajaran jurulatih yang menjadi peserta kajian. Elemen yang diberi fokus dalam pemerhatian pengajaran dan temu bual ialah mengenai kemahiran yang diamalkan oleh guru atau dikenali sebagai jurulatih Seni Teater semasa mengajar murid konteks bidang lakonan dalam isi kandungan KSSM Seni Teater Sekolah Seni Malaysia. Elemen seni lakon berkenaan berkait dengan membina pengetahuan guru mengenai pengetahuan lakonan, kemahiran lakonan dan mengintegrasikan kandungan dan beberapa kemahiran lain dalam amalan lakonan yang diperoleh semasa temu bual dan pemerhatian yang dijalankan. Elemen seni lakon yang diaplikasikan dan diamalkan dalam pengajaran terdiri daripada lima fasa Model *BEING* dalam membentuk identiti guru terutama jurulatih Seni Teater dalam pengajaran.

Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian



Guru Sebagai Pelakon

Idea "guru sebagai pelakon" dapat dibina melalui kajian ini oleh Hanning (1984). Guru harus mengembangkan identiti diri sendiri, dan mereka boleh melakukannya dengan membentuk pengajaran selari dengan keperluan pelakon dalam sebuah seni persembahan. Proposisi ini dapat membangunkan profesionalisme keguruan dalam program kejurulatihan dalam pendidikan guru sebagai jurulatih. Namun, sedikit perubahan dalam pemahaman dan amalan dunia pendidikan menyebabkan kurang

persiapan dari segi identiti untuk menjadi guru. Tidak kira betapa berbakatnya guru dalam menggunakan kemahiran dan amalan pedagogi, ia memerlukan masa untuk membina identiti keseluruhan guru. Namun, guru juga dianggap sebagai artis persembahan serta mempunyai kesan yang berpengaruh terhadap pengetahuan, kemahiran dan amalan pengajaran (Tauber & Mester, 2007). Tempoh pembinaan pengajaran guru harus bermula dari pengetahuan sedia ada bermula dari dokumen rancangan pengajaran harian guru dan kefahaman tersebut ditransformasi dalam pengajaran (Shulman, 1987). Seperti pelakon juga dilatih untuk memainkan peranan yang berbeza dalam kerjaya mereka mengikut karya atau skrip. Jadi, mereka telah dilatih untuk menggunakan sumber kognitif, emosi, biologi dan fizikal mereka untuk mewujudkan atau menjelmakan setiap watak dan perwatakan (Sarason, 1999).

Guru perlu mempunyai reka bentuk kursus dengan sukatan pelajaran dan bahan seperti pelakon memerlukan skrip, props, artistik dan teknikal (Hart, 2007). Justeru itu, guru perlu mencari teknik pengajaran dan pedagogi untuk mengekspresikan dan mewujudkan diri mereka, tetapi dengan cara yang lebih berwaspada, sedar dan profesional, dan menggunakan sumber daya diri baru ini untuk membolehkan murid mencapai pembelajaran yang lebih baik. Jadi, guru harus berada dalam kawalan skrip mereka sendiri seperti menulis, mengarahkan, dan menghasilkan pengajaran yang bermakna (Timpson & Tobin, 1982). Secara prosesnya, guru hanya perlu melakukan peranan secara semulajadi, tetapi perlu mencipta watak seperti pelakon bagi mengekalkan identiti wataknya dan membolehkannya berinteraksi dengan murid dengan paling berkesan (Hart, 2007). Tambahan lagi, elemen seni lakon adalah alat atau kaedah yang kuat dalam sebuah pengajaran, bergantung bagaimana guru mencipta dunia fiksyen untuk meneroka idea, mata pelajaran, masalah, dan hubungan dengan murid-murid menggunakan permainan seperti main peranan, improvisasi, dan teknik bercerita atau membaca (O'Neill, 1995). Guru-guru sebenarnya mengaplikasi teknik lakonan itu sendiri dalam pengajaran mereka dan murid-murid pula belajar melibatkan diri secara aktif dan berfikir secara kreatif dan kritis dalam pembelajaran melalui lakonan. Kajian ini berdasarkan teknik '*Method of Physical Actions*' yang telah diperkenalkan oleh Stanislavski (1946) sebagai teknik lakonan realisme dalam pengajaran untuk memupuk imaginasi, kreativiti dan kemahiran berfikir. Pelopor dalam lakonan, Stanilavkski (1946) menyatakan bahawa lakonan menolong guru memahami diri mereka, mengalami situasi yang berbeza, dan memperoleh pemahaman mengenai dunia. Tidak seperti drama teater, drama kreatif dan tidak bergantung pada skrip; sebaliknya, ia merangkumi improvisasi dan pemikiran bebas. Hasilnya, seni lakon meningkatkan fleksibiliti, keterbukaan, dan imaginasi (McCaslin, 2006).

Menurut Amir (2019), perkara yang diperlukan oleh guru bukannya bakat, tetapi praktikal secara semula jadi, spontan, dan gaya bahasa badan tanpa lisan melalui improvisasi. Stanislavski (1946) mendorong guru untuk menggunakan lakonan di bilik darjah untuk meningkatkan penglibatan dalam pengajaran, mengambil bahagian dalam membuat keputusan secara spontan, dan untuk memupuk kreativiti. Stanislavski menggabungkan perbincangan, improvisasi, dan permainan peranan untuk membangun watak untuk melihat dari perspektif orang lain, dan beliau mendorong emosi responsif terhadap orang lain. Nazri (2008) telah memberikan beberapa teknik seni lakon yang memberi inspirasi kepada golongan pendidik seperti teknik muncul, pengucapan dialog, progres, improvisasi, klimaks dan pembinaan masa. Kajian ini disokong dengan pengaplikasian teknik seni lakon dalam pengajaran guru adalah selari dengan seni persembahan (Faisal, 2012; Fadhillah, 2014; Azly, 2016). Dengan cara ini, unsur seni lakon memaksimumkan pelbagai perspektif pemikiran dan penyertaan intelektual, fizikal, dan emosi dengan menyediakan yang selamat suasana yang membina keyakinan diri guru dalam konteks pendidikan (Cahnmann-Taylor & Souto-Manning, 2010; McCaslin, 2006; O'Neill, 1995).

Bagi meningkatkan tahap pembangunan identiti guru, Özmen (2011) percaya bahawa lakonan mendorong imaginasi, pemerhatian, dan renungan. Guru juga boleh dilatih dengan penggunaan kemahiran pedagogi mengikut konteks dan situasi yang sesuai melalui aktiviti seperti pembelajaran kreatif, konstruk, koperatif, simulasi, main peranan dan improvisasi. Oleh itu, bagi membantu guru meningkatkan kemahiran tersebut, guru perlu menjadi 'guru seni persembahan' yang fleksibel dan bersedia mengambil risiko (Dunn & Stinson, 2011) dan memiliki kemahiran seni dalam untuk mengembangkan identiti profesional mereka (Hart, 2007; Özmen, 2011). Tambahan pula, teater dan drama dalam pendidikan juga dapat melatih kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif dalam

menyelesaikan sesuatu masalah yang timbul sebelum, semasa dan selepas sesebuah proses pengajaran dan pembelajaran (Azly, 2021).

Identiti guru dapat dikembangkan melalui kemahiran lakonan dalam pengajaran (Griggs, 2001; Hanning, 1984; Hart, 2007; Özmen, 2011) kerana pengajaran sebagai seni persembahan mempunyai transformasi kesan terhadap identiti guru (Hart, 2007). Meneliti kaitan antara pengajaran dan lakonan berdasarkan kursus lakonan, Hart berpendapat bahawa identiti guru dapat dikembangkan melalui pengajaran berasaskan persembahan dengan alasan bahawa guru bahasa dapat mengembangkan identiti melalui teknik lakonan. Özmen (2010) mencadangkan piramid hierarki yang merangkumi pemikiran metakognitif, kesedaran nonverbal, dan identiti guru. Dalam kajian lain berdasarkan mengenai pemahaman Stanislavski mengenai teknik lakonan yang disebut '*Method of Physical Actions*' dalam *An Actor Prepares* (2003) melalui kajian teori landasan Özmen (2011) pada pemikiran, emosi, kognitif dan fizikal guru untuk mengembangkan kesedaran diri dalam pembangunan identiti guru. Bermula dengan meniru persiapan fizikal sehingga mengaplikasikan kemahiran dan amalan lakonan dengan menggabungkan persiapan emosi, menggunakan bahasa badan dan suara, menggunakan gaya diri untuk bertindak, memikirkan semula objektif, menyelesaikan masalah serta menjana atau membina identiti tanpa mengetepikan etika, disiplin dan nilai murni dalam pengajaran dan pembelajaran.

Teknik Lakonan Stanislavski dan Pembangunan Identiti Guru

Sumbangan Stanislavski terhadap pemahaman persembahan teater kontemporari tidak ternilai kerana Stanislavski mengemukakan teori yang memberi impak besar kepada semua pelakon, pengarah dan ahli teori dalam bidang ini (Bilgrave & Deluty, 2004). Metodologi umum beliau disebut "*Method of Physical Action*", yang jelas dikenali sebagai salah satu teori utama persembahan Seni Teater. Oleh itu, teori Stanislavski adalah cara untuk mempraktikkan dan mewujudkan identiti persembahan teater. Metod ini difokuskan pada pengembangan kesedaran diri untuk memperluas identiti seseorang, iaitu kemampuan seseorang untuk memainkan peranan seorang pelakon secara sistematik (Griggs, 2001).

Sebagai seorang pendidik, Travers (1979) menyatakan Stanislavski pada dasarnya adalah sebuah teori dalam pendekatan teknik-teknik lakon yang berkesan tentang cara membentuk keperibadian atau identiti seorang individu atau pelakon. Melalui teknik lakon ini para pendidik seluruh dunia telah menganalisis teknik persiapan fizikal, emosi, kognitif, pola pembangunan identiti dan mencari kaedah secara holistik selari dalam pengajaran guru. Oleh itu, perkara yang dicadangkan oleh Stanislavski bukanlah peniruan yang tidak jujur tentang peranan guru yang akan dimainkan, tetapi mewujudkan peranan yang berkesan dan meyakinkan kerana seni lakon Stanislavski mempunyai keselarian dengan pengajaran guru. Travers (1979) menunjukkan had pengajaran guru berdasarkan kemampuan dan beliau memetik karya Stanislavski melalui *An Actor Prepares* (2003), dengan menyatakan bahawa tidak perlu mempelajari teknik secara terperinci daripada seorang pelakon itu, kerana struktur yang dibangunkan sudah lengkap secara semulajadi di dalam diri seseorang, struktur itu akan muncul secara natural dan tersedia dalam diri seorang pendidik sama ada guru dalam latihan praperkhidmatan atau dalam perkhidmatan, malah guru bukan pengkhususan juga dapat mengaplikasi teknik seni lakon Stanislavski secara lebih mendalam ini bagi mencapai objektif dan tujuan isi pelajaran, motivasi, sumber peribadi dan profesional mereka, semuanya merupakan ciri identiti guru ideal. Sehubungan dengan itu, cadangan kajian ini adalah bahawa teknik lakonan Stanislavski dapat meningkatkan pembangunan dan internalisasi identiti guru selari dengan transformasi pendidikan, sekaligus dapat diaplikasikan dalam sebuah pengajaran berkesan (Griggs, 2001).

Dalam teknik lakon Stanislavski (1979), mencipta watak bermula dengan perjalanan fizikal, emosi, dan perjalanan ini adalah untuk pergi ke kanvas kehidupan dan hati pelakon yang memainkan watak itu. Pelakon adalah orang yang menyedari sumber daya emosi dan fizikal, kemungkinan, dan batasan mereka dan keupayaan ini juga penting bagi seorang guru bagi membentuk identiti ideal. Perjalanan identiti seorang pelakon ini disertai dengan emosi, watak dan keperibadian watak yang ingin diciptakan. Pelakon dapat mewujudkan peranan berdasarkan pengalaman peribadi yang

diimajinasikan, sehingga watak sebenar dapat diciptakan. Dengan kata lain, proses persiapan emosi dan fizikal ini sangat penting kerana satu-satunya cara untuk membentuk identiti yang boleh dipercayai bergantung pada analisis yang teliti terhadap diri dan pembentukan sebuah identiti guru yang ideal. Meniru atau mengimprovisasi watak adalah proses terjadinya pembinaan watak dan mencuba meniru watak sepenuhnya akan membawa akibat buruk kerana watak itu tidak memiliki keaslian yang berkesan (Travers, 1979).

Tambahan pula, proses persiapan emosi dan fizikal yang dicipta oleh Stanislavski juga sangat penting kerana guru harus menyedari proses pengembangan identiti profesional mereka. Oleh itu, model *BEING* dihasilkan berdasarkan teknik lakon Stanislavski dan perlu diberi perhatian lebih mendalam melalui pemerhatian dan analisis keperibadian guru. Peringkat pertama adalah membimbing guru untuk mempertimbangkan kualiti yang dapat menjadikan mereka guru yang berkesan dan percaya diri bahawa pengetahuan asas isi kandungan kurikulum adalah penting. Peringkat kedua, dalam mempertimbangkan status guru ideal, guru juga harus menganalisis diri mereka dengan teliti untuk mengetahui pengalaman peribadi atau lepas sebagai pengeksperimentasi dan mampu mengimprovisasikan watak dalam kemahiran pengajaran mereka. Seterusnya, peringkat ketiga guru sebagai pencipta harus membentuk perkembangan watak dan perwatakan melalui pengalaman dalam mencapai objektif pembelajaran. Setelah menyelesaikan objektif dan hala tuju watak dan perwatakan, peringkat keempat adalah berdasarkan amalan dan proses pemetaan standard kandungan dan pembelajaran dalam menghasilkan nilai murni dan disiplin. Peringkat kelima atau terakhir, seorang guru perlu mempraktikkan etika dalam lakonan dalam etika profesionalisme pendidikan bagi menjana dan membangunkan identiti guru serta amalan ini mampu memberi kesan dalam pengajaran. Impak dalam menerapkan teknik lakon Stanislavski pada pengajaran guru, penghasilan Model *BEING* telah dikembangkan melalui peranan seorang pelakon bermula teknik dan persiapan asas seorang pelakon, kemunculan pelakon serta penciptaan watak dan perwatakan melalui improvisasi, *blocking* dan *level* sehingga menghasilkan disiplin dan nilai murni dalam etika lakonan (Sarason, 1999). Oleh yang demikian, dalam kajian kes ini, penyelidik memerhatikan proses pengembangan identiti guru untuk memahami dengan mendalam Model *BEING* itu secara praktikal dalam pelaksanaan pengajaran guru atau jurulatih Seni Teater SSeM selari dengan objektif pengetahuan pedagogi isi kandungan.

Metodologi

Metodologi kajian melibatkan sumber primer dalam kajian lapangan dan sekunder dalam kajian perpustakaan. Reka bentuk kajian yang dijalankan berbentuk kualitatif pada guru-guru atau jurulatih yang terlibat. Skop seperti strategi kajian, lokasi kajian, peserta kajian, instrumen kajian, kajian lapangan, kaedah pengumpulan data, pertimbangan yang dititikberatkan, prosedur kajian dan analisis data yang dititikberatkan oleh penyelidik di dalam metodologi. Instrumen kajian yang digunakan adalah borang temu bual separa struktur dan senarai semak pemerhatian separa struktur selain senarai semak dokumen pengajaran rasmi untuk dianalisis. Prosedur dan proses kajian yang mengambil masa selama enam hingga lapan bulan bermula perlu mendapatkan permohonan menjalankan kajian di KPM, Universiti, JPN serta pihak sekolah.


Penyelidik menggunakan kaedah menerangkan, memahami, meneroka dan menginterpretasi suatu permasalahan secara kualitatif kerana ingin mendapatkan pandangan dan idea secara mendalam mengenai pendekatan pengajaran (Merriam, 2009). Kajian kes sesuai bagi strategi kajian yang perlu kepada penyiasatan yang bersifat memahami secara mendalam dan menyeluruh (Merriam, 2001; Yin, 2009). Kajian bersifat penerokaan, kajian kes dipilih sebagai strategi kajian manakala protokol temu bual, protokol pemerhatian dan analisis kandungan dokumen sebagai teknik kajian (Othman Lebar, 2014; 2009; Robson 2011; Creswell, 2012).

Kajian ini memilih lima orang peserta kajian iaitu jurulatih Seni Teater dan hanya satu peserta kajian yang bertugas di setiap Sekolah Seni Malaysia iaitu Perak, Johor, Kuala Lumpur, Sabah dan Sarawak. Setiap guru bagi setiap sekolah akan ditemu bual bagi mendapatkan dapatan kajian dengan menggunakan borang temu bual, senarai semak pemerhatian dan senarai semak dokumen melalui kajian

lapangan. Berdasarkan pemilihan setiap sekolah tersebut, kajian ini dapat melihat secara mendalam bagaimana guru menjalankan tanggungjawab menyalurkan ilmu kepada murid mengikut latar belakang sekolah.

Pengumpulan data melalui kaedah temu bual dan pemerhatian. Analisis kandungan dokumen pengajaran juga digunakan sebagai kaedah pengumpulan data. Data dianalisis bagi proses mengenal pasti koding, label, membentuk kategori dan seterusnya mewujudkan tema-tema yang berkaitan dengan bantuan perisian komputer. Kod atau label diberikan pada peringkat awal analisis data dinamakan kod bebas dengan menggunakan perisian NVIVO Versi 12. Bagi mendapatkan kebolehpercayaan dan kesahan kajian, data yang diinterpretasikan oleh penyelidik disemak oleh peserta kajian dan disahkan oleh tiga orang pakar kandungan melalui indeks Cohen Kappa. Penyelidik juga membuat triangulasi sumber data temu bual dan pemerhatian serta analisis kandungan dokumen bagi menjamin kesahan dan kebolehpercayaan data kajian. Data akan disintesis dan sekali akan penyelidik akan membuat kesimpulan.

Rajah 2: Pengumpulan dan Analisis Data Kajian



Sumbangan Dalam Pendidikan

Secara teori, Kementerian Pendidikan (KPM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dapat mengaplikasikan penyelidikan ilmiah mengenai teori dan model ini secara mendalam dalam kurikulum dan pengembangan serta pembangunan identiti guru melalui PPIK dan dapat dijadikan panduan bakal guru dalam bidang profesional Seni Teater dan guru sedia ada dalam bidang pendidikan kesenian khususnya.

Praktikal kajian ini akan menghasilkan kerangka konsep dalam menghasilkan kurikulum baharu atau semakan kurikulum. Secara metodologi, penyelidikan ini juga sangat penting untuk mencapai anjakan kelapan "Mentransformasi Kemampuan dan Keupayaan Penyampaian Kementerian" dalam gelombang ketiga Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Tambahan lagi, pengetahuan isi kandungan dan pengetahuan pedagogi dalam pendekatan model ini dapat merangsang pengembangan pengetahuan dan kemahiran guru khususnya jurulatih-jurulatih kesenian yang bukan berlatar belakang atau bukan pengkhususan bidang pendidikan teater atau drama. Kajian ini

menghasilkan model panduan bagi membentuk *role model* dalam menjadi guru ideal bidang teater khususnya kerana penyelidikan dapat membantu diterapkan dalam transformasi pengajaran guru.

Mencapai matlamat dan objektif Sekolah Seni Malaysia dalam memupuk murid dengan prestasi akademik dan seni yang seimbang (BSKK, 2020). Bagi KPM, JPN, PPD dan sekolah-sekolah di Malaysia dapat mengaplikasikan penyelidikan ini dalam modul pembangunan profesionalisme keguruan, selain mereka dapat mengadakan latihan industri, bengkel atau program untuk meningkatkan kemahiran guru termasuk jurulatih utama kebangsaan, negeri dan sekolah yang dilantik.

Kesimpulan

Kajian ini menawarkan sumbangan dari segi pengetahuan dan kemahiran dalam pengembangan identiti guru terutama bagi guru bukan bidang pengkhususan. Guru sebagai jurulatih dapat menguasai pengetahuan isi kandungan, kemahiran dan amalan dalam pedagogi secara teori dan praktikal khususnya dalam bidang Pendidikan Kesenian amnya dan Seni Teater khususnya. Pertama, kajian ini diperluaskan untuk menerokai pembangunan identiti guru Malaysia dalam membentuk pengajaran berkesan dengan pendekatan model panduan dan membangunkan profesion keguruan dan kualiti pendidikan bidang baharu kejurulatihan utama dalam pendidikan Seni Teater. Kedua, penyelidikan ini memberi sumbangan untuk mengisi jurang sedia ada dalam penyelidikan mengenai sektor pendidikan di Malaysia khususnya mata pelajaran dan kurikulum baharu serta mendasari anjakan keempat dalam mentransformasi keguruan sebagai profesion pilihan dan anjakan kelapan dalam mentransformasikan kebolehpayaan dan kapasiti penyampaian kementerian. Ketiga, kajian ini akan merangka model panduan Pengetahuan Pedagogikal Isi Kandungan (PPIK) mata pelajaran Seni Teater dalam menyediakan guru bidang professional keguruan khusus tugas mengajar Seni Teater dan memperkasa identiti guru. Kajian ingin memperlihatkan fungsi dan kepentingan teater dan drama selari dengan pengajaran kurikulum mata pelajaran lain dalam membantu membentuk kualiti pengajaran yang lebih efektif. Seorang guru mempunyai peranan yang hampir sama seperti seorang pelakon. Setiap elemen yang memenuhi sifat sebuah lakonan pentas turut terdapat dalam identiti seorang guru dalam mentransformasikan pengajaran di sekolah. Oleh itu, kajian ini dapat memenuhi jurang kajian mengenai pengetahuan isi kandungan dan pengetahuan pedagogi dalam pembangunan identiti guru di Malaysia.

Rujukan

- Amir, M. (2019). *Kaedah Teater Membaca Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Genre (Drama)*. Jabatan Bahasa Dan Kesusasteraan Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ahmad, M. N. (2008). *Seni Lakon Mencerminkan Sikap Masyarakat*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad, M. F., Abdullah, Z., & Ali, A. W. (2021). Theatre in Education: The Implementation of Improvisation in Dialogue Pronunciation Technique in Teaching. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(8), 726–735.
- Ahmad, M. F. (2012). *Teknik Seni Lakon Dalam Pengajaran: Satu Kajian Kes Di Negeri Selangor*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azmi, M. N., & Kamarudin, N. (2017). Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT): Kesediaan Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) di Sekolah Rendah. *International Research Journal of Education and Sciences*, 1(1), 1–5.
- Bujang, R. (1982). *Drama Melayu 25 Tahun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cathrine, M. (2019). Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK) Guru Bukan Pengkhususan Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) di Sekolah Menengah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, Volume 4, Issue 6, (page 64 – 71).
- Chee, J., Nor, M. M., Othman, A. J., & Rahman, M. N. A. (2018). Isu Pengetahuan kandungan, pedagogi dan teknologi dalam kalangan guru prasekolah. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 6(1), 7-21.
- Creswell, J. (2012). *Education Research – planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative research (Fourth Edition)*. Boston: Pearson Education.

- Elizabeth, A., & Plessis, D. (2019). Barriers to the effective management of diversity in classroom contexts: The out-of-field teaching phenomenon. *International Journal of Educational Research*, 93(November 2017), 136–152.
- Gardner, H. (1983). *Frames of Mind: The Theory of Multiple Intelligences*. New York: Basic Books.
- Griggs, T. (2001). *Teaching as acting: considering acting as epistemology and its use in teaching and teacher preparation*. *Teacher Education Quarterly*, 28: 2, 23-37.
- Hanning, R. W. (1984). The classroom as the theater of self: some observations for beginning teachers. Retrieved December 7, 2008, from www.ade.org/ade/bulletin/N077/077033.htm.
- Hart, R. (2007). Act like a teacher: Teaching as a Performing Art". *Electronic Doctoral Dissertations for UMass Amherst*.
- Hashim, N. S. B. H. N., Rahman, M. K. A., & Chin, L. F. H. (2019). Instilling Hybrid Acting Approach to Exhibit Presentational Acting Skills of Secondary School Students through Theatre Arts Subject in Malaysian Arts School, Sungai Siput, Perak. *International Journal of Academic Research in Progressive and Education Development*, 8(2), 449–456.
- Hashim, N. S. B. H. N., & Chin, L. F. H. (2018). Inculcating Students Civic Awareness through Friere's Critical Pedagogy Practice as a Current Alternative Method of Teaching and Learning (PdP). *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(9), 909–916.
- Ibrahim, A. R., Mahamod, Z., & Mohamad, W. M. R.W. (2017). 21st Century Learning and the Influence of Attitude, Motivation, and Achievements Malay Language Secondary School Student. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. ISSN:2180-4842. Vol. 7, Bil. 2 (Nov. 2017): 77 – 88.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012a). *Pendidikan di Malaysia – Memartabatkan Kecemerlangan Pendidikan Negara*. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2012b). *Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. <https://www.moe.gov.my/images/dasar-kpm/PPP/Preliminary-Blueprint-BM.pdf>.
- Lakshmi, P. & Abd Rahman, M. K. (2020). Aplikasi Teknik Teater Kreatif Dalam Meningkatkan Kesedaran Kognitif Murid-Murid Berkeperluan Khas (Mbk). *Journal of Social Science and Humanities*, 3 (3): 9-14.
- Long, A. (1984). *Pedagogi Kaedah Am Mengajar*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Magdeline, A. N., & Zamri, M. (2012). Penguasaan pengetahuan pedagogi kandungan guru bahasa iban. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 12(2), 593–608.
- McCaslin. (1984). *Creative drama in the classroom*. New York: Longman.
- Merriam, S. B. (2001). *Qualitative research and case study applications in education: Revised and expanded from case study research in education*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- Naseer, M. S. (2018). Impact of Professional Development Training Curriculum on Practicing Algebra Teachers. *International Journal on Emerging Mathematics Education*, 2(2), 187-202.
- Paolini, A. (2015). Enhancing Teaching Effectiveness and Student Learning Outcomes, 15(1), 20-33.
- Othman Lebar. (2014). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metod* (Cetakan Kelima). Tanjong Malim: Penerbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- O'Neill, C. (1995). *Drama worlds: A framework for process drama*. Portsmouth, England: Heinemann.
- Omar, A., Mohd Zahari, M. A. & Mohd, F. H. (2019). *Drama dan Teater dalam Pendidikan: Pengertian, Teori dan Amalan*. Tanjong Malim: Penerbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Özmen, K. S. (2010). Fostering Nonverbal Immediacy and Teacher Identity through an Acting Course in English Teacher Education. *Australian Journal of Teacher Education*, 35(6).
- Özmen, K. S. (2011). Acting and teacher education: The BEING model for identity development. *Turkish Online Journal of Qualitative Inquiry*, 2(2), 36-49.
- Palmer, P. J. (2003). The heart of a teacher: Identity and integrity in teaching. *In The Jossey-Bass reader on teaching* (pp. 3-25). San Francisco: Jossey- Bass.
- Saad, N. S. (2009). Pengintegrasian Komponen Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan (PCK) dalam Pengajaran Pembelajaran Trigonometri. *Journal of Science and Mathematics Letters*, 1(1),

- Saleh, B. Rasul, M. S., & Affandi, H. M. (2018). Pedagogical Practices of Design and Technology Teacher Trainees Pedagogical Practices of Design and Technology Teacher Trainees. *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences*, 8(5), 319–329.
- Sarason, S. B. (1999). *Teaching as performing art*. New York: Teachers College Press.
- Shing, C. L., Saat, R. M., & Loke, S. H. (2015). The Knowledge of Teaching - Pedagogical Content Knowledge (PCK). *The Malaysian Online Journal of Educational Science*, 3(3), 40–55.
- Shulman, L. S. (1986). Those Who Understand: Knowledge Growth in Teaching. *American Educational Research Association*, 15(2), 4–14.
- Shulman, L. S. (1987). Knowledge and Teaching: Foundations of the New Reform. *Harvard Education Review*, 57(1), 1–22.
- Stanislavsky, C. (2003). *An Actor Prepares*. Terjemahan Elizebeth Reynold Hapgood. New York: Routledge.
- Stanislavsky, C. (1972). *An actor prepares* (E. R. Hapgood, Trans.). New York: New York.
- Stanislavsky, C. (1949). *Building a character* (E. R. Hapgood, Trans.). New York: Theatre Arts Books.
- Tauber, R. T., Mester, C. S., & Buckwald, S. C. (1993). The teacher as an actor: entertaining to educate. *NASSP Bulletin*, 77 (551), 20-28.
- Tauber, R. T., & Mester, C. S. (2007). *Acting lessons for teachers: using performance skills in the classroom* (2nd ed.). Westport, Conn: Praeger.
- Tengku Zawawi Tengku Zainal, Ramlee Mustapha, & Abdul Razak Habib. (2009). Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan Guru Matematik bagi Tajuk Pecahan: Kajian Kes. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(1), 131–153.
- Timpson, W. W., & Tobin, D. N. (1982). *Teaching as performing: a guide to energizing your public presentation*. Englewood, NJ: Prentice Hall Inc.
- William, S. K., Maat, S. M. (2020). Sorotan Literatur Bersistematis Terhadap Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan Guru Matematik. *Jurnal Dunia Pendidikan*. 2(3), 82-94.
- Yin, R. K. (2009). *Case Study Research Design and Methods* (4th Ed). Sage Publications, Inc.
- Zainal, T. Z. T., Mustapha, R., & Habib, A. R. (2009). Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan Guru Matematik bagi Tajuk Pecahan: Kajian Kes di Sekolah Rendah (Pedagogical Content Knowledge of Mathematic Teachers on Fraction: A Case Study at Primary Schools). *Jurnal Pendidikan Malaysia (Malaysian Journal of Education)*, 34(1), 131-153.
- Vandivere, A. H. (2008). An investigation of the nonverbal communication behaviors and role perceptions of pre-service band teachers who participated in theatre seminars. Unpublished Ph.D. Dissertation. University of North Texas, Texas.
- Van Hoose, J., & Hult Jr., R. E. (1979). The performing artist dimension ineffective teaching. *Contemporary Education*, 51(1), 36-39.
- Zakaria, Z. (2011). Pengetahuan Pedagogikal Kandungan Guru Matematik Tambahan Berpengalaman: Satu Kajian Kes. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zakaria, M. Z., Nik Yusoff, N. M. R., Yan Mei, F. S., Abdullah, M. H., & Ramli, S. (2011). Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan (PPIK) Guru Bahasa Arab Sebutan Konsonan Arab: Kajian Kes Di Sekolah Rendah. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship*, 2(5), 122–138.
- Zakaria, M. A. & Ahmad, M. F. (2021). Teaching as Performance Studies: Exploring the Pedagogical Content Knowledge (PCK) of Theater Arts. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(2), 1213-1226.
- Zakaria, M. A. & Ahmad, M. F. (2021). Unsur Seni Lakon Dalam Pengajaran: Satu Pembangunan Identiti Guru. *Proceedings of International Conference of Sustainable Social Sciences, Innovation & Technology (ICSSiT) 2020* (pp. 40-45). Cabaran Semasa dan Inovasi dalam Sistem Pembelajaran dan Pendidikan. eISBN 978-967-18546-5-5. Tanjung Malim, Perak.
- Zakaria, M. A., Ahmad, M. F. & Abdul Rahman, M. K. (2021). Model Pembangunan Identiti Guru: Pendekatan Pengajaran Seni Teater Dalam Pendidikan Di Malaysia. *Proceedings of International Conference on Social Sciences and Humanities (ICSSH) 2021* (pp. 173-186). Isu-Isu Pendidikan. eISBN 978-967-2908-75-3. Tanjung Malim, Perak.

Zakaria, M. A., Ahmad, M. F., & Rahman, M. K. A. (2021). Higher Order Thinking Skills (HOTs): Acting Method as Approach of Critical Pedagogy in Education Culture. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 10(2), 502–516.